

# 'Ops Seribu Lebih' dilancar banteras kemiskinan

Oleh Nurul Hazren Masitom

BH 1/8/03

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian melancarkan 'Ops Seribu Lebih' dalam usahanya menangani kemelut kemiskinan yang dihadapi 75 peratus daripada 80,000 nelayan tradisional menjelang 2005.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi, berkata operasi berkenaan mensasarkan pendapatan nelayan dalam lingkungan RM1,000 berbanding kurang RM500 ketika ini.

"Kita yakin dalam masa dua setengah tahun lagi, sasaran menghapuskan kemiskinan di kalangan nelayan dapat dicapai.

"Menerusi penyediaan enjin, bot serta peti ais yang diperuntukkan menerusi Dana Nelayan di 26 Persa-

tuan Nelayan Kawasan (PNK), kita berjaya meningkatkan pendapatan 450 ahli sehingga mencapai RM3,000 sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung ke-18 Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) di sini, semalam.

Pada majlis itu juga, sebanyak RM150,143.33 didermakan oleh sebahagian daripada 73 PKK di seluruh negara bagi mengisi tabung Yayasan Nelayan Malaysia.

Effendi berkata, pihaknya sedang menunggu kelulusan peruntukan berjumlah RM100 juta bagi mengisi Dana Nelayan untuk menjalankan aktiviti yang dapat meningkatkan taraf hidup golongan itu.

"Justeru, adalah penting PNK menyusun strategi untuk memasarkan hasil tangkapan mereka secara te-

rus di samping memkenalkan projek yang dapat menghasilkan nilai tambah seperti pemprosesan dan penggunaan teknologi terkini," katanya.

Dalam pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, sektor perikanan mendapat peruntukan sebanyak RM75 juta untuk Dana Nelayan, RM25 juta untuk unjam-unjam, RM177 juta untuk baik pulih jeti dan pembinaan jeti baru, serta RM8 juta untuk rumpai laut.

Effendi, meminta nelayan tradisional memberi tumpuan kepada perikanan laut dalam kerana kerajaan menyediakan penempatan RM1 billion bagi membekal bot perikanan laut dalam.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 500 bot laut dalam di seluruh negara.